

167
SOALAN NO: 47

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad
[Pasir Puteh]

TARIKH : 14 Mac 2018

SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

apakah **status** kemajuan perindustrian
perikanan di Tok Bali Kelantan. Berapa
banyak kilang yang telah dibina dan
apakah hasil-hasil pengeluaran kilang-
kilang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Negeri Kelantan merupakan salah satu penyumbang terbesar pendaratan ikan bagi sektor perikanan laut. Berdasarkan kepada perangkaan tahun 2016, jumlah pendaratan ikan di Kelantan adalah sebanyak 218.8 ribu tan metrik daripada keseluruhan pendaratan ikan negara sebanyak 1.57 juta tan metrik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah menyediakan Pelabuhan Perikanan LKIM Tok Bali (PPLTB) pada tahun 2011 bagi membangunkan industri perikanan di Kelantan, khususnya di Tok Bali. Pelabuhan yang bernilai RM99 juta tersebut meliputi komponen seperti dermaga pendaratan, pejabat pengurusan, lot-lot perindustrian kecil dan sederhana, dewan pembaikan pukot, kren, bilik sejuk, *blast freezer* dan stor simpanan tong. Sehingga kini, ia telah mampu menampung keperluan 528 buah vesel nelayan di sekitar Tok Bali.

PPLTB juga mempunyai 4 buah kilang pemprosesan ikan beku dan isi ikan serta 5 buah kilang air batu yang dibangunkan oleh pihak swasta bagi menampung keperluan vesel-vesel laut dalam yang beroperasi di Tok Bali. Di samping itu, terdapat sebanyak 60 orang usahawan industri kecil dan sederhana yang mengusahakan perusahaan berasaskan ikan seperti keropok dan ikan kering di Tok Bali dan kawasan sekitarnya.